

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Jualan pil gugur janin langgar undang-undang

Pengambilan tanpa pengawasan doktor beri implikasi, bawa maut

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Penjualan pil gugur janin melanggar undang-undang, manakala penggunaannya boleh membawa maut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengambilan pil gugur janin tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar boleh memberi implikasi seperti rahim terkoyak, pendarahan tidak normal dan jangkitan kuman, selain boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat.

"Pengambilan pil gugur juga boleh menyebabkan kelahiran cacat sekiranya kandungan gagal digugurkan setelah ubat gugur kandungan diambil.

"Isu penjualan pil pengguguran janin seperti misoprostol secara dalam talian dikesan semakin memuncak.

"Misoprostol adalah produk tidak berdaftar yang sering disalahgunakan tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan pengguguran janin.

"Pemegang pendaftaran produk itu membatalkan pendaftarannya pada November 2016, menjadikannya sebagai produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan dilarang dijual di pasaran Malaysia.

"Mifepristone juga adalah produk tidak berdaftar yang sering disalahgunakan untuk tujuan pengguguran janin," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, penjualan produk yang tidak berdaftar melang-

gar Peraturan 7(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan kesalahan mengikut Peraturan 30(1) peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.

"Individu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

"Kementerian Kesihatan menerima 51 aduan berkaitan penjualan pil gugur kandungan secara dalam talian yang disalahgunakan untuk aktiviti pengguguran haram dan penggunaan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang sepanjang 2018 hingga tahun ini.

"Sebanyak 24 serbuan mensasarkan ke atas produk ini dilaksanakan dari 2016 hingga tahun

ini yang membabitkan nilai ram-pasan sebanyak RM95,233," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) meningkatkan kerjasama dengan pengendali platform e-dagang yang berpusat di negara ini.

"Notifikasi dihantar kepada pengendali platform e-dagang agar menurunkan iklan berkenaan pil gugur janin.

"Sumber pembekalan pil gugur janin disyaki diperoleh secara haram melalui pembelian secara dalam talian atau penyeludupan dari negara luar manakala penghantaran pil gugur kepada pembeli menggunakan perkhidmatan pos dan kurier.

"Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan syarikat perkhidmatan pos dan kurier dalam usahamenyekat pembelian pil gugur secara dalam talian atau penyeludupan dari luar negara," katanya.



Kementerian Kesihatan menerima 51 aduan berkaitan penjualan pil gugur kandungan secara dalam talian yang disalahgunakan untuk aktiviti pengguguran haram dan penggunaan yang tidak dibenarkan undang-undang sepanjang 2018 hingga tahun ini.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 43

RUANGAN : NASIONAL

Kes bunuh CEO Cradle Fund

Terima laporan menerusi WhatsApp

Saksi dakwa Ketua Pengarah Kesihatan maklum hasil bedah siasat

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam: Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, diberitahu bahawa Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah ada memaklumkan laporan bedah siasat terhadap jenazah Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Fund Sdn Bhd, Nazrin Hassan.

Laporan bedah siasat terhadap jenazah Nazrin diketahui oleh Dr Noor Hisham.

Abang Nazrin, Dr Abdul Aziz Hassan, berkata dia menerima hasil laporan itu menerusi aplikasi WhatsApp yang dihantar Dr Noor

Hisham kepadanya pada 14 Jun 2018.

Katanya, isi kandungan WhatsApp itu diterima Dr Noor Hisham daripada seorang doktor yang melakukan bedah siasat terhadap jenazah Nazrin, dikenali sebagai Dr Siew.

Abdul Haziz berkata, dia kemudian memajukan pesanan WhatsApp daripada Dr Noor Hisham itu kepada tertuduh pertama, Samirah Muzaffar.

Melalui isi kandungan WhatsApp antara Abdul Aziz dan Sami-

Saya kemudian memajukan pesanan WhatsApp daripada Dr Noor Hisham kepada tertuduh pertama.

Dr Abdul Aziz Hassan, Saksi

rah dibacakan peguam bela semua tertuduh, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, saksi pendakwaan ke-18 itu memaklumkan kepada Samirah hasil bedah siasat yang selesai jam 7.30 malam itu mendapati letupan telefon bimbit menyebabkan kebakaran hingga mengorbankan Nazrin.

Dalam perbualan itu, Abdul Aziz turut menitikkan pesanan supaya mengambil serius tindakan mengecis telefon bimbit di meja berhampiran katil kerana ia terlalu rapat dengan wajah dan perlu dihebahkan kepada awam.

"Samirah bertanya, adakah Nazrin dalam kesakitan? Kamu membalas tidak. Dia tidur lena/tidak sedar," kata Muhammad Shafee ketika membacakan isi kandungan WhatsApp terbabit di hadapan Hakim Datuk Ab Karim Ab Rahman, di sini, semalam.

Terdahulu, Muhammad Shafee mengemukakan tiga dokumen iaitu salinan perbualan menerusi WhatsApp antara anak guamnya itu selain perbualan antara Abdul



Dr Abdul Aziz hadir di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar /BH)

Aziz dengan rakan Nazrin, Shahrul Idzwan.

Dalam prosiding sama, Abdul Aziz, 59, memberitahu mahkamah dia tidak mempunyai nombor telefon Samirah hinggalah pada hari kejadian.

Dia memberi keterangan terhadap isteri Nazrin, Samirah, 44, dan dua remaja lelaki masing-masing berumur 17 dan 14 tahun

yang didakwa membunuh Nazrin.

Turut didakwa seorang warga Indonesia, Eka Wahyu Lestari yang masih bebas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di rumah di Mutiara Homes, Mutiara Damansara, Petaling Jaya antara 11.30 malam pada 13 Jun 2018 dan 4 pagi kesokannya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

Kementerian Kesihatan tidak keluar kenyataan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan setakat ini tidak mengeluarkan kenyataan berhubung penangguhan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) bagi penjawat awam di 33 Skim Perkhidmatan Kritikal.

Sumber Kementerian Kesihatan berkata, kenyataan rasmi harus datang dari Pejabat Perdana Menteri atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kenyataan harus datang dari PMO (Pejabat Perdana Menteri) atau JPA,” katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq

Syed Abdul Rahman, mengumumkan Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju menangguhkan pemansuhan BIPK bagi penjawat awam 33 Skim Perkhidmatan Kritikal.

Mengumumkan perkara itu menerusi rakaman video di laman Twitter rasminya, Syed Saddiq berkata, perkara itu dipersetujui dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, hari ini (semalam).

Syed Saddiq memaklumkan, Dr Mahathir setuju membincangkan isu berkenaan dalam mesyuarat Kabinet pertama tahun depan.

“Sebentar tadi saya berbincang dengan Perdana Menteri berkenaan isu elaun kritikal dalam pekeliling baharu JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam).

“Alhamdulillah, Perdana Menteri bersetuju menangguhkan pekeliling JPA yang baharu mengenai elaun kritikal dan Kabinet bersama-sama membincangkan isu ini pada Mesyuarat Kabinet yang pertama Januari depan,” katanya.

JPA menerusi satu pekeliling yang dikeluarkan Jumat minggu lalu, antara lain mengumumkan bakal memansuhkan lapan elaun bermula tahun hadapan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22A

RUANGAN : LOKAL



DR Abdul Aziz di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

KES BUNUH CEO CRADLE FUND

‘DIA TAK SAKIT’

Oleh Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

Shah Alam

Abang kepada Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Fund Sdn Bhd, Nazrin Hassan mendapat tahu hasil laporan bedah siasat terhadap adiknya melalui Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Hasil laporan bedah siasat itu diterima Dr Abdul Aziz, 59, melalui aplikasi *WhatsApp* daripada Noor Hisham yang juga rakan keluarganya pada hari sama kejadian Nazrin ditemui maut dalam kebakaran di rumahnya di Mutiara Homes, Mutiara Damansara, pada 14 Jun 2018.

Saksi pendakwaan ke-18 itu yang menerima *WhatsApp* memaklumkan perkara berkenaan kepada isteri Nazrin yang juga tertuduh pertama, Samirah Muzaffar melalui aplikasi sama.

“Saya memajukan pesanan diterima daripada Noor Hisham kepada Samirah berhubung hasil laporan bedah siasat Nazrin,” katanya ketika disoal peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam perbicaraan kes bunuh Nazrin di hadapan Hakim Datuk Ab Karim Ab Rahman.

Berdasarkan salin perbualan melalui *WhatsApp* yang dibacakan Muhammad Shafee, isi kandungan yang dimajukan Dr Siew yang juga doktor bertanggungjawab melakukan bedah siasat Nazrin selepas selesai menjalankan tugas.

“Noor Hisham yang mendapat laporan daripada Dr Siew itu bertindak memajukan pesanan itu kepada kamu.

“Noor Hisham memaklumkan hasil bedah siasat mendapati letupan telefon bimbit menyebabkan kebakaran berlaku,” katanya.

Dalam perbualan itu, Dr Abdul

Aziz sempat berpesan kepada Samirah supaya memandang serius tindakan mengemas telefon bimbit di atas meja berhampiran katil.

“Kamu katakan, ini berikutan perbuatan itu menyebabkan telefon bimbit terlalu rapat dengan wajah selain memaklumkan Samirah perkara itu perlu dihebahkan kepada awam.

“Selain itu, Samirah bertanya ‘adakah Nazrin dalam kesakitan? Kamu membalas tidak. Dia tidur lena/tidak sedar’,” katanya ketika membacakan isi kandungan *WhatsApp* terbabit di hadapan Hakim Datuk Ab Karim Ab Rahman di sini, semalam.

Terdahulu, Muhammad Shafee mengemukakan tiga dokumen iaitu salinan perbualan melalui *WhatsApp* antara Dr Abdul Aziz dan Samirah serta rakan Nazrin, Shahrul Idzwan.

Dalam prosiding sama, Dr Abdul Aziz, memberitahu mahkamah dia hanya menyimpan nombor telefon Samirah pada hari kejadian itu.

Samirah, 44, yang juga isteri Nazrin dan dua remaja lelaki masing-masing berumur 17 dan 14 tahun didakwa membunuh Nazrin.

Turut didakwa ialah warga Indonesia, Eka Wahyu Lestari yang masih bebas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di rumah di Mutiara Homes, Mutiara Damansara, Petaling Jaya antara 11.30 malam pada 13 Jun 2018 dan 4 pagi keesokannya.

Perbicaraan bersambung Isnin depan.

KP KKM
salur
maklumat

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NASIONAL

Pil gugur janin boleh bawa maut

KKM beri amaran jangan jual atau ambil produk gugur janin misoprostol

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM



DR NOOR HISHAM

Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan orang ramai agar tidak terlibat dalam penjualan serta membeli produk tidak berdaftar ekoran terdapat banyak kegiatan penjualan pil gugur janin jenis misoprostol yang dijual secara berleluasa dalam talian.

Ketua Pengarah KKM, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, misopro-

stol merupakan produk tidak berdaftar yang sering disalah guna tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar untuk menggugurkan janin.

Malah katanya, penggunaan pil gugur tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar juga boleh memberi implikasi seperti rahim terkoyak, pendarahan tidak normal, bayi cacat jika kandungan gagal digugurkan, jangkitan kuman

serta boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat.

Menurutnya, pemegang pendaftaran produk misoprostol membatalkan pendaftaran produk itu pada November 2016 menjadikannya sebagai produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan tidak dibenarkan untuk dijual di pasaran Malaysia.

Katanya, selain misoprostol, mifepristone juga merupakan produk tidak berdaftar yang sering disalahgunakan untuk tujuan menggugurkan janin.

"Penjualan produk yang tidak berdaftar adalah melanggar Peraturan 7(1) (a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan satu kesalahan di bawah Peraturan 30(1) peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta

Jualan Dadah 1952.

"Individu boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara ti-

dak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati sewaktu membeli produk kesihatan yang dijual secara

ra dalam talian agar tidak mudah terpedaya dan boleh menyemak kesahihan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik dengan melayari portal Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) iaitu www.npra.gov.my.

RISIKO PEMBELIAN UBAT ONLINE DARI SUMBER TIDAK SAH

Anda terdedah kepada:

- 🔥 Produk tidak berdaftar.
- 🔥 Produk dicampur dengan racun berjadual.
- 🔥 Produk tiruan.
- 🔥 Iklan produk dengan pelbagai testimoni meragukan.
- 🔥 Iklan ubat tiada kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat.
- 🔥 Kesan sampingan ubat.
- 🔥 Maklumat tidak tepat kerana konsultasi daripada individu tidak bertauliah.
- 🔥 Produk dirampas di pintu masuk negara (pembelian ubat dari luar negara).
- 🔥 Penipuan/scam.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

CABINET TO DECIDE

Govt postpones critical allowance abolishment

KUALA LUMPUR: The government has agreed to postpone the abolishment of the Critical Service Incentive Payment (BIPK) allowance, pending the next cabinet meeting.

Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman said he learnt this from Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad after a meeting with him yesterday.

"*Alhamdulillah*, the prime minister has agreed to postpone the Public Service Department (PSD) circular on the critical allowance and will discuss it in the next cabinet meeting in January.

"We will continue to ensure that the voices of doctors, nurses and youth working in the public sector are heard," Syed Saddiq said in a video posted on his Facebook page.

A Health Ministry source said any statement on BIPK for civil officers in the 33 critical service schemes from now on would come from the Prime Minister's Office (PMO) or PSD.

The *New Straits Times* was informed by PSD and Health Ministry representatives that a follow-up meeting would be held between the department and the ministry on issues related to the critical allowances cut.

It was previously reported that Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said he had asked his deputy, Dr Lee Boon Chye, ministry secretary-general Datuk Seri Dr Chen Chaw Min and Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah to represent the ministry at the meeting.

On Dec 20, a PSD circular stated

that it would end the critical allowance, a move that would affect government doctors, nurses, engineers and other professionals appointed from Jan 1 onwards.

The critical allowance is one of nine allowances that the government would stop paying for, including English proficiency incentives and entertainment allowances for private secretaries.

PSD issued a statement on Thursday saying only civil servants starting their service from Jan 1 onwards would be affected.

This means existing officers who have been receiving BIPK would continue to receive critical allowances according to the rates set out in Service Circular No. 17 of 2007 until they leave the service.

In the statement, PSD clarified that BIPK came about when the New Remuneration System (SSB) was introduced in 1992, where, in principle, the critical level of service would change according to situation and requirements, based on supply and demand for the service in the current market.

Under SSB, BIPK critical allowances were based on certain non-permanent principles that allowed them to be revoked and abolished if found to be no longer relevant or not to fit the criteria.

PSD stated that a study conducted this year found that all 33 service schemes allocated with BIPK allowance no longer fulfilled the original criteria for provision of BIPK, which was that candidates for the positions were in short supply and there were difficulties in filling vacancies.



Nurses discussing their duty roster at Hospital Jelebu. The Public Service Department's announcement on ending the critical allowance will affect government doctors, nurses, engineers and other professionals appointed from Jan 1 onwards. FILE PIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Furore online over abortion pill sales

KUALA LUMPUR: The Health Ministry received 51 complaints on online sales of abortion pills in 2018 and 2019, which could be abused for illegal abortions.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 24 raids targeting the product were conducted from 2016 to 2019 involving seizures worth RM95,233.

"At least 302 websites were found violating ministry regulations and from the total, 98 websites were sent to the Malaysian Communications and Multimedia Commission, Facebook, Twitter and YouTube to be blocked," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham also said the ministry, via the Pharmacy Enforcement Division, sent notifications to Malaysia-based e-commerce platforms to take down ads for the pills.

"The ministry will also cooperate with postal and courier service companies to block the purchase of such pills online or smuggling from overseas," he said.

The ministry, he said, viewed the matter seriously as the use of abortion pills such as misoprostol and mifepristone without proper medical supervision can result in potentially lethal uterine rupture, heavy bleeding and infection.

Dr Noor Hisham said taking abortion pills could also cause birth defects if the termination of pregnancy is not successful.

"Misoprostol has its product registration cancelled with the Drug Control Authority in November 2016 and is therefore not allowed to be sold in Malaysia.

"However, it is frequently abused without doctor's supervision to terminate pregnancy," he said.

The sales of unregistered products are in violation of Regulation 7(1) (a) of the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984 and an offence under Regulation 30 (1). Offenders can be sentenced under Section 12 (1) of the Sales of Drugs Act 1952. — Bernama